



“Panggilan Berduit”

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

A. TERMA-TERMA ASAS

1.	Penganjur	Astro Radio Sdn Bhd
2.	Stesen Radio	THR Gegar
3.	Nama Peraduan	Panggilan Berduit
4.	Huraian Ringkas Peraduan/ Rancangan	Peraduan ini membolehkan peserta memenangi RM100 jika berjaya menjawab panggilan dengan betul
5.	Mekanisma ringkas Peraduan	a) Daftarkan diri anda di laman web gegar.thr.fm dan lengkapkan slogan b) Slogan paling kreatif dan terbaik akan menerima panggilan telefon dari penyampai THR Gegar ke nombor telefon yang telah anda daftarkan c) Peserta perlu menjawab panggilan telefon dengan menyebut 'Putih Collagen Hello' atau Glow Glowing Beauty Skin Hello' d) Jawab dengan betul dan menang wang tunai RM 100. Jika gagal, wang tersebut akan ditambah dan dibawa ke segmen berikutnya.
6.	Kriteria Kelayakan	Peraduan ini dibuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 18 Januari 2016
7.	Ketidaklayakan	Golongan berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini :- a) Pekerja-pekerja/Kontraktor-Kontraktor Penganjur, MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Malaysia Holdings Berhad, anak syarikat dan syarikat bersekutunya, penaja-penaja, ejen-ejen, peniaga, pedagang atau mana-mana syarikat yang berkaitan dengan Peraduan dan suami, isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik beradik orang-orang tersebut; b) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 1000 atau kurang daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (30) hari sebelum Peraduan ini; c) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 1001 - RM 5000 daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (90) hari sebelum Peraduan ini; d) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 5001 atau lebih daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (365) hari sebelum Peraduan ini.
8.	Umur Kelayakan	Peraduan ini dibuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 18 Januari 2016
9.	Caj	Caj Telekomunikasi boleh di kenakan
10.	Tempoh Peraduan	18 Januari 2016 – 29 Disember 2016
11.	Bahasa Peraduan	Bahasa Malaysia
12.	Prosedur Penyertaan	Untuk menyertai, daftarkan diri anda di laman web thr.gegar.fm dan lengkapkan slogan.
13.	Tarikh Tutup Penyertaan	28 Disember 2016
14.	Cara Penghantaran	Akan menerima panggilan telefon dari penyampai THR Gegar
15.	Alamat	Astro Radio Sdn Bhd, All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur
16.	Pemilihan Pemenang	Peserta yang menjawab panggilan telefon dari penyampai THR Gegar dengan menyebut 'Putih Collagen Hello' atau 'Glow Glowing Beauty Skin Hello'
17.	Hadiah	Hadiah wang tunai sebanyak RM100 untuk dimenangi. Jika gagal menjawab dengan betul, wang tersebut akan ditambah dan dibawa ke

		segmen berikutnya.
18.	Pemberitahuan Pemenang Peraduan	Nama pemenang akan diumumkan melalui radio.
19.	Tempoh Pengambilan Hadiah	Seperti diumumkan oleh Pihak Penganjur.
20.	Tempat Pengambilan Hadiah	Seperti diumumkan oleh Pihak Penganjur.
21.	Terma-terma tambahan, jika ada	Keputusan pihak penganjur adalah muktamad.

Terma-terma Asas dan **Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan** akan mengikat kesemua peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini ("**Peserta**"). Definisi-definisi dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan akan digunakan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma-terma Asas. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan, Terma-terma Asas akan mengatasi setakat ketidakselarasan tersebut.

Kemasukan dan penyertaan di dalam Peraduan ini akan dianggap sebagai penerimaan Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan secara tanpa syarat oleh para Peserta.